



IKLAN JAWATAN KOSONG

PERBADANAN KEMAJUAN CAMERON HIGHLANDS

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia yang berminat dan berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan

- Jawatan : Penolong Eksekutif
- Klasifikasi Perkhidmatan : Pentadbiran dan Sokongan
- Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
- Taraf Jawatan : Kontrak
- Syarat Lantikan :
- i. Berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan.
 - ii. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang- kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
 - iii. Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; atau
 - iv. Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; atau
 - v. Sijil Matrikulasi Kementerian Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; atau
 - vi. Diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.



Deskripsi Tugas : Bertanggungjawab menguruskan kerja-kerja yang berkaitan pengurusan kewangan, perolehan bekalan dan pembangunan, pengurusan, perkhidmatan personel, pengurusan pentadbiran pejabat, pengurusan majlis rasmi, mengendalikan urusan konsuler dan penguatkuasaan undang-undang dan tugas-tugas lain yang diarahkan dari semasa ke semasa.

Cara Memohon:

1. Permohonan boleh dibuat dengan mengisi borang secara atas talian melalui pautan [JawatanKosongPKCH2026](#).
2. Pemohon tidak perlu menyerahkan *hard copy* kepada PKCH.
3. Pemohon hendaklah memastikan semua maklumat adalah tepat dan terkini semasa permohonan dibuat.
4. Tarikh tutup permohonan adalah pada **19 Jun 2026 (Jumaat)**.
5. Hanya calon-calon yang disenarai pendek untuk temuduga sahaja akan dihubungi. Pemohon yang tidak menerima sebarang maklum balas dalam tempoh 1 hingga 3 bulan dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan tidak berjaya.
6. Sebarang pertanyaan lanjut boleh menghubungi Seksyen Sumber Manusia di talian 05-4851320.